

# Jangan paksa orang bukan Islam: Mahathir

KUALA LUMPUR, Isnin — Orang Islam tidak harus memaksa bukan Islam mengamalkan hukum Islam jika perbuatan itu boleh mencetuskan huru-hara sehingga menimbulkan bahaya besar kepada masyarakat dan pemerintahan Islam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata ketika umat Islam mudah menerima saranan supaya menerima nilai Islam, golongan bukan Islam tidak boleh dipaksa menggugurkan semua nilai dan amalan mereka untuk menerima nilai Islam.

"Jika dalam negara berbilang agama seperti Malaysia, orang Islam dikenakan hukum potong tangan dan orang bukan Islam tidak dikenakannya, ramai orang Islam yang akan kudung dan tidak dapat bersaing dengan bukan Islam.

"Walaupun kebanyakan orang Islam mempunyai pegangan agama yang kuat, kita tidak boleh menjamin mereka tidak akan hampa dan kecewa apabila melihat orang bukan Islam hidup lebih selesa.

"Sebenarnya sudah ada orang Melayu yang menolak agama Islam. Kita tidak boleh salahkan dakyah agama lain sahaja. Apabila orang Islam meninggalkan agama Islam, sedikit sebanyak masyarakat Islam turut bersalah," katanya

Perdana Menteri menyatakan demikian dalam renca- nanya bertajuk 'Penerapan Nilai-Nilai Islam' dalam buku 'Nilai dan Etika Islam dalam Perkhidmatan Awam' yang dilancarkan oleh Ketua Setia- usaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid di sini hari ini.

Rencana Datuk Seri Dr Mahathir dimuatkan dalam bab pertama daripada beberapa topik yang dikumpulkan dalam buku terbitan Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) itu.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mahu menerapkan nilai-nilai Islam yang akan mewujudkan sebuah kerajaan cekap dan berkemampuan mentadbir secara berkesan di segi keamanan, keselamatan dan pembangunan serta menyaingi pemerintahan lain.

Menurutnya, nilai-nilai Islam yang diutamakan boleh diamalkan oleh semua rakyat Malaysia, sama ada Islam atau bukan Islam.

"Nilai-nilai yang diutamakan untuk pentadbiran dan boleh diterima oleh orang Islam dan bukan Islam ialah amanah, kejujuran, bertanggungjawab, rajin, ikhlas, tertib, disiplin, mengutamakan masyarakat lebih daripada diri sendiri, sanggup berkorban, tidak tamak, berpandangan jauh, bermoral dan berke- lakuan baik.

"Nilai-nilai murni ini penting dalam pentadbiran kerana pemerintah perlu mengutamakan masyarakat dan bukan diri sendiri kerana ia boleh merugikan rakyat," katanya.